



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN RENJER KOMUNITI
DAN *FLAG-OFF* OPERASI BERSEPADU KHAZANAH PERINGKAT
SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2026**

12 MAC 2026 (KHAMIS) | 5.30 PETANG

DATARAN LEDANG, TANGKAK, JOHOR DARUL TA'ZIM

[SALUTASI AKAN DIKEMASKINI]

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN: KASIH SAYANG KEPADA ALAM

1. Pertamanya, saya menzahirkan rasa syukur di atas limpah dan kurnia-Nya saya dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan Renjer Komuniti dan Flag off Operasi Bersepadu Khazanah Peringkat Semenanjung Malaysia bagi tahun 2026 pada hari ini.
2. Majlis ini merupakan acara kedua seumpamanya yang diadakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sejak saya menerajui Kementerian ini bermula 16 Disember 2025.
3. Majlis hari ini bukan sekadar sebuah acara rasmi atau protokol kementerian. Ia adalah manifestasi kasih sayang kita kepada tanah air. Kita berkumpul di sini kerana kita faham bahawa tanpa hutan yang hijau dan hidupan liar yang bebas, identiti negara kita akan hilang ditelan zaman.
4. Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, Pejabat Daerah Tangkak serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menganjurkan majlis ini.

5. Komitmen ini membuktikan usaha padu dalam memelihara dan memulihara khazanah biodiversiti kita.

Hadirin yang dihormati,

JOHOR: GERGASI BIODIVERSITI DAN TELADAN NASIONAL

6. Apabila kita berbicara mengenai pemuliharaan alam sekitar, sewajarnya kita memberikan tumpuan kepada Negeri Johor sebagai salah satu gergasi biodiversiti di Malaysia. Negeri Johor bukan sekadar pusat pembangunan ekonomi, tetapi ia adalah penjaga kepada khazanah hutan dan hidupan liar yang amat bernilai.

7. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Johor telah menunjukkan teladan yang sangat baik dalam mengimbangi keperluan pembangunan dengan tuntutan pelestarian alam semula jadi.

8. Salah satu pencapaian yang saya kagumi adalah inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam menangani konflik antara manusia dan hidupan liar, khususnya gajah.

9. Kita maklum bahawa Johor mempunyai populasi gajah yang signifikan, dianggarkan antara 120 hingga 160 ekor yang merangkumi daerah Kluang, Kota Tinggi, Mersing, dan Segamat.

10. Kita sering mendengar kisah sayu penduduk kampung di daerah-daerah ini yang bimbang setiap kali tibanya waktu malam.

Kita mendengar rintihan petani yang melihat hasil titik peluh mereka musnah dalam sekelip mata akibat pencerobohan gajah.

11. Namun, Kerajaan Negeri tidak memeluk tubuh. Penubuhan Jawatankuasa Khas (Taskforce) Konflik Manusia dan Gajah yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor adalah satu langkah strategik yang sangat tepat pada masanya.

12. Melalui jawatankuasa ini, kita melihat kemajuan nyata seperti pelaksanaan Ops Translokasi Gajah di Daerah Kluang serta pembangunan foodbank gajah yang melibatkan kerjasama unik antara kerajaan, syarikat perladangan swasta, FGV, dan Jabatan Perhutanan.

13. Ini adalah contoh terbaik bagaimana pendekatan whole-of-nation approach dilaksanakan bagi memastikan hidupan liar tidak dianggap sebagai ancaman, sebaliknya sebagai sebahagian daripada ekosistem yang perlu kita uruskan dengan bijaksana.

14. Bagi mengukuhkan visi ini, Negeri Johor juga sedang membangunkan projek Santuari Gajah Johor (Johor Elephant Sanctuary - JES) di Kota Tinggi. Projek ini bukan sahaja menjadi tempat perlindungan, malah bakal menjadi pusat pendidikan dan konservasi yang penting di rantau ini. Usaha ini menunjukkan bahawa Johor mempunyai visi jangka panjang yang sangat jelas. Satu lagi mercu tanda komitmen Johor adalah pembinaan projek

lintasan hidupan liar atau viaduct pertama di negeri ini yang terletak di laluan Batu Pahat ke Jamaluang.

15. Projek dengan peruntukan RM30 juta ini dijangka siap pada tahun 2028 dan ia akan menjadi koridor ekologi yang kritikal bagi menghubungkan Hutan Simpan Labis Timur, Hutan Simpan Mersing, dan Hutan Simpan Lenggong.

16. Kita mahu pendekatan co-exist atau kewujudan bersama antara manusia dan hidupan liar dipraktikkan dengan lebih harmoni dalam masyarakat agar anak-anak kita di Johor membesar dengan mengetahui bahawa mereka boleh hidup bersama dalam suasana yang selamat dan saling menghormati.

Hadirin sekalian,

SINERGI PERSEKUTUAN DAN NEGERI: MEKANISME EFT

17. Kerajaan Persekutuan sentiasa menghargai setiap inci hutan yang dikekalkan dan setiap spesies yang dilindungi oleh Kerajaan Negeri. Sebagai tanda sokongan dan insentif, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (EFT) sejak tahun 2019.

18. Sepertimana yang dinyatakan YB EXCO, Negeri Johor merupakan antara negeri yang mendapat peruntukan paling besar di antara 13 negeri yang menerima EFT. Apa yang nyata adalah peruntukan ini bukanlah sekadar angka di atas kertas, tetapi ia adalah pelaburan untuk masa depan anak cucu kita.

19. Saya berharap agar dana ini terus dimanfaatkan secara optimum untuk mengukuhkan lagi pengurusan habitat dan kawasan perlindungan di seluruh Negeri Johor. Sinergi antara dana Persekutuan dan pelaksanaan di peringkat Negeri inilah yang menjadi kunci kepada kejayaan agenda hijau negara kita.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

ANCAMAN TERHADAP KHAZANAH NEGARA

20. Malaysia adalah salah satu daripada tujuh belas buah negara megadiverse di dunia yang mana hampir 70 peratus spesies yang diketahui di dunia ini wujud di bumi bertuah kita ini.

21. Kepelbagaian hidupan ini bukan sekadar untuk tontonan, tetapi ia adalah sistem sokongan kehidupan manusia yang memastikan bekalan air bersih terjaga, menjadi penampas bencana alam, dan membantu dalam proses pendebungaan tumbuhan.

22. Namun, realitinya kita sedang menghadapi ancaman yang sangat serius daripada mereka yang tidak bertanggungjawab. Aktiviti pembalakan haram dan pemburuan haram telah meletakkan spesies ikonik kita, seperti Harimau Malaya, di ambang kepupusan.

23. Bayangkan jika satu hari nanti, Harimau Malaya hanya tinggal pada Jata Negara dan jersi bola sepak kita sahaja, sedangkan di rimba mereka telah lenyap. Jika kita tidak bertindak luar biasa sekarang, kita mungkin akan kehilangan khazanah ini buat selama-lamanya.

INISIATIF BP3: RENJER KOMUNITI SEBAGAI PERISAI RIMBA

24. Oleh yang demikian, kementerian saya sangat komited untuk memperkasakan Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti atau BP3.

25. Di bawah program ini, kita mempunyai dua senjata utama iaitu Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dan pelantikan Renjer Komuniti.

26. Sejak dimulakan pada tahun 2019 sehingga 2025, pelaksanaan OBK di seluruh negara telah membuahakan hasil yang membanggakan dengan menumpaskan lebih tiga ribu kegiatan pencerobohan dan merekodkan nilai sitaan berjumlah Empat Ratus Tiga Belas Perpuhan Satu Juta Ringgit (RM413.1 juta).

27. Khusus di Negeri Johor, kerjasama antara PERHILITAN, PDRM, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), dan rakan NGO telah berjaya merekodkan nilai sitaan sebanyak Sebelas Perpuhan Empat Juta Ringgit (RM11.4 juta) dalam tempoh yang sama. Kecemerlangan ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui Asia Environmental Enforcement Awards (AEEA) daripada UNEP pada tahun 2021 dan 2023.

28. Bagi tahun 2026 ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak Enam Puluh Perpuhan Enam Juta Ringgit (RM60.6 juta) kepada Jabatan PERHILITAN untuk melantik seramai 1,950 orang Renjer Komuniti di Semenanjung Malaysia. Saya berbesar

hati untuk memaklumkan bahawa seramai 159 orang Renjer Komuniti akan ditempatkan di Negeri Johor bagi tahun ini.

29. Mereka yang dilantik ini bukanlah orang biasa. Mereka adalah barisan hadapan yang terdiri daripada veteran ATM, pesara PDRM, komuniti Orang Asli, dan penduduk tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi serta pengetahuan mendalam tentang selok-belok hutan.

30. Saya teringat kisah keberanian renjer-renjer kita yang terpaksa berhadapan dengan jerat maut dan ancaman pemburu haram warga asing di dalam hutan yang tebal. Tugas anda bukan sekadar rondaan, tetapi anda sedang berjihad mempertahankan maruah dan khazanah negara.

31. Keberadaan anda di 14 buah pos kawalan di Johor akan memastikan setiap inci hutan kita dipantau dengan lebih rapi.

Hadirin yang dihormati,

AMANAT KEPADA RENJER DAN PENUTUP

32. Sebagaimana amanat yang telah saya sampaikan kepada rakan-rakan Renjer Komuniti di Nabawan, Sabah pada bulan lalu, hari ini saya ulangi perkara yang sama kepada Renjer Komuniti di Semenanjung Malaysia.

33. Ingatlah bahawa kalian adalah **perisai negara di dalam rimba**. Berikanlah komitmen yang paling tinggi kerana di bahu kalianlah

terletaknya harapan kita untuk melihat Harimau Malaya dan gajah-gajah kita terus membiak dengan selamat.

34. Kita tidak akan bertolak ansur. Sebentar lagi, kita akan melakukan acara pelepasan atau flag-off OBK Peringkat Semenanjung Malaysia bagi tahun 2026. Secara simboliknya, acara ini adalah mesej tegas kita kepada semua penjenayah biodiversiti: Kita tidak akan membiarkan anda mencuri harta negara, dan kita akan bersama-sama menggembeleng tenaga untuk melawan segala bentuk pencerobohan.

35. Ada pepatah lama menyebut, "Hutan habis, gajah pun mati." Ia mengingatkan kita bahawa apabila ekosistem musnah, kita sebagai manusia juga akan menerima kesannya.

36. Marilah kita pastikan hutan di Johor dan seluruh Semenanjung Malaysia ini kekal menjadi 'paru-paru' yang memberi nyawa kepada negara kita.

37. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh jentera Kerajaan Negeri Johor atas kerjasama yang sangat luar biasa ini.

38. Apabila Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersatu hati, apa juga cabaran dalam menjaga khazanah negara pasti akan dapat kita atasi. Semoga usaha murni kita ini diberkati-Nya dan menjadi warisan yang membanggakan bagi generasi Malaysia yang akan datang.

*Hulu sungai airnya tenang,
Ikan berenang di celah taman;
Khazanah alam harus dikenang,
Lestari dijaga sepanjang zaman.*

39. Akhir kata, saya dengan sukacita merasmikan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Renjer Komuniti dan *Flag-off* Operasi Bersepadu Khazanah Peringkat Semenanjung Malaysia tahun 2026.

Sekian dan terima kasih.